



## **CERAMAH SEMPENA MEMPERINGATI ISRA' DAN MI'RAJ**

**SELASA, 23 REJAB 1447H / 13 JANUARI 2026M**

Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya telah mengadakan ceramah sempena memperingati Isra' dan Mi'raj bagi Warga Kerja Jabatan Kerja Raya pada sebelah pagi 13 Januari di Dewan Atria Simpur, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Ceramah dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ceramah yang bertajuk '*Dari Sembahyang Menuju Cemerlang*' disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Muhd Safwan bin Mohd Suffian, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI). Ianya telah dihadiri seramai 80 orang pegawai dan kakitangan Warga Kerja Jabatan Kerja Raya.

Ceramah antara lain menekankan tema bagi Sambutan Isra' & Mi'raj bagi tahun 1447 Hijrah iaitu "Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang" yang mana memfokuskan kepada hubungan langsung antara peristiwa Isra' dan Mi'raj dengan pensyariatan sembahyang lima waktu, yang merupakan ibadah paling utama dan menjadi tiang agama. Salah satu penjelasan turut merangkumi maksud seruan azan iaitu "Marilah mendirikan sembahyang, Marilah Menuju Kemenangan". Selain itu, ceramah ini menekankan sembahyang sebagai medium pertemuan hamba dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala, sumber ketenangan jiwa, serta "syurga di dunia" bagi orang-orang beriman. Kepentingan menjaga waktu sembahyang, tujuan sembahyang dalam mencegah kemungkaran, menghapus dosa, dan membentuk disiplin hidup turut diperincikan, disertai dalil Al-Quran dan hadis sahih.

Sebagai tambahan, ceramah ini turut menyentuh tips untuk mencapai kekhusyukan dalam sembahyang dan langkah-langkah untuk memastikan sembahyang sentiasa terpelihara dalam kehidupan seharian. Ceramah ditutup dengan peringatan bahawa sembahyang merupakan amalan pertama yang akan dihisab di akhirat, sekali gus menjadi penentu kejayaan dan keselamatan seseorang insan di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

**Jabatan Kerja Raya**

**Kementerian Pembangunan**



## **RELIGIOUS TALK IN CONJUNCTION WITH ISRA' AND MI'RAJ**

**TUESDAY, 23 REJAB 1447H / 13 JANUARY 2026M**

The Human Resources Division, Administration and Finance Department, Public Works Department held a religious talk for Public Works Department Employees in the morning session of 13 January 2026, held at the Atria Simpung Hall, Public Works Department Headquarters Building.

The religious talk began with the recitation of Surah Al-Fatihah and followed by a religious talk entitled: 'From prayer towards excellence' (*Dari Sembahyang Meuju Cemerlang*) delivered by Yang Mulia Ustaz Muhd Safwan bin Mohd Suffian, Assistant Religious Development Officer, Islamic Da'wah Centre which was attended around 80 officers and staff of the Public Works Department.

The religious talk, among other things, emphasised the theme for Isra' & Mi'raj Celebration this 1447 Hijrah, which is "*Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang*" which focus on the direct relationship between the events of Isra' and Mi'raj with the five daily prayers, which are the most important acts of worship and the pillars of religion. It also shared on the explanation of the theme that relates to the call to the prayer "Let Us Pray" and "Let Us Pursue Victory" as an invitation towards success in this world and hereafter. In addition, this religious talk emphasize prayer as a medium for servant with Allah Subhanahu wa Ta'ala, a source of peace of mind, and heaven on earth for those believers. The importance of observing prayer times, the purpose of prayer in avoiding evil or sins were touched accompanied with evidence from Al-Quran and Authentic Hadith.

In addition, the religious talks also touched on tips for achieving khusyu' (focus) in prayer and steps to ensure that prayer is always maintained in daily life. The talk ended with when determining a person's success in the sight of Allah, the prayer are the first practice that will be held accountable in the afterlife.

**-END-**

Prepared by:

**Public Relations Unit  
Department of Works  
Ministry of Development**